

PONTALON FILM COATED TABLET

Mefenamic acid (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PONTALON FILM COATED TABLET
2. Bagaimana PONTALON FILM COATED TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET
4. Cara menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET
5. Semasa menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PONTALON FILM COATED TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan PONTALON FILM COATED TABLET

PONTALON FILM COATED TABLET digunakan untuk melegakan kesakitan otot, kepala, selepas pembedahan, sakit selepas bersalin, dan senggugut (sakit haid).

Bagaimana PONTALON FILM COATED TABLET berfungsi

Mefenamic asid merupakan ubat jenis NSAIDs. Ia bertindak dengan menghentikan badan menghasilkan bahan yang menyebabkan sakit, demam dan radang.

Sebelum menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan PONTALON CAPSULE jika:

- anda mempunyai hipersensitif atau reaksi alahan terhadap mefenamic acid, atau bahan-bahan yang disenaraikan di akhir risalah ini. Reaksi alahan termasuk asma, hidung berair, ruam kulit, dan muka bengkak. Jika anda fikir anda mengalami alahan, dapatkan nasihat daripada doktor anda.
- anda mempunyai keradangan pada saluran penghadaman.
- anda mempunyai ulser di kawasan perut atau saluran usus,
- anda mempunyai penyakit buah pinggang atau hati

-Sebelum menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau telah mempunyai:

- ulser, pendarahan atau lubang pada perut dan usus.
- warga emas
- merokok atau ketagih pada minuman alkohol
- sejarah cirit birit yang disebabkan oleh NSAIDs pada masa lalu
- penyakit buah pinggang atau hati
- sawan
- penyakit jantung atau strok
- tekanan darah tinggi
- pengekalan bendalir pada badan
- *dyspepsia* (rasa tidak selesa di kawasan epigastrik kerana masalah penghadaman)

Mefenamic acid boleh menyebabkan masalah alahan kulit yang teruk, contohnya *exfoliative dermatitis* (kulit bersisik), *toxic epidermal necrolysis*, dan *Steven-Johnson syndrome*. Simptom termasuk ruam kulit, lepuh, dan mengelupas. Ini boleh menjadi tanda keadaan yang serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila rujuk doktor anda sebelum mula menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET sekiranya anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau anda berhasrat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan menilai risiko anda menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET terhadap manfaat yang diharapkan terhadap anda.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Doktor anda atau ahli farmasi mungkin mempunyai maklumat yang lebih lanjut mengenai ubat-ubat yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Dos permulaan 500mg diikuti 250mg setiap 6 jam bila perlu dan tidak melebihi satu minggu. Bagi kes senggugut, dos yang dicadangkan ialah 500mg untuk permulaan, dan diikuti 250mg setiap 6 jam, dimakan bila kesakitan haid bermula dan tidak melebihi 2 – 3 hari.

Doktor anda akan memberikan preskripsi dos yang paling rendah dan berkesan untuk tempoh masa yang paling singkat untuk anda.

-Bila perlu digunakan

PONTALON FILM COATED TABLET perlu diambil mengikut masa yang dicadangkan oleh doktor anda.

-Berapa lama perlu digunakan

PONTALON FILM COATED TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain mengambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan PONTALON FILM COATED TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu atau menggunakan jentera
Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana PONTALON CAPSULE memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang biasa termasuk ketidakelesaan perut seperti cirit birit, loya, muntah dan sakit perut. Tindak balas hipersensitif termasuk ruam kulit dan alahan. Kesan sampingan lain ialah sakit kepala, mengantuk, penglihatan kabur, pening, hilang selera makan, pedih ulu hati, *flatulence*, sembelit dan kegagalan buah pinggang. Ulser peptik, pendarahan gastrousus, dan asma juga telah dilaporkan.

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda perasan selain dari di atas yang membuatkan anda merasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan seperti di atas mungkin berlaku kepada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumer→Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan PONTALON FILM COATED TABLET

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan..

-Pelupusan

PONTALON FILM COATED TABLET perlu dilupuskan apabila doktor menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doctor anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet bujur bersalut berwarna kuning muda, mempunyai skor pada sebelah bahagian.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Mefenamic acid

-Bahan tidak aktif

Silicon Dioxide

Polyethylene Glycol

H.P.C-L

Cellulose

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

Neusilin UFL2

Opadry Yellow

-Nombor MAL

MAL19930603AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/02/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)180216/00048